

20/04/1998

Perancangan teliti perlu

Jamhariah Jaafar; Noordin Zakaria

HARI ini catuan air bermula di Lembah Klang dan Selangor. Sekurang-kurangnya kerajaan sudah memberi amaran awal terhadap warga kota kali ini supaya menyimpan, menadah dan menggunakan air dengan penuh hemat.

Sudah terlalu banyak diperkatakan dan terlalu banyak pihak dipersalahkan, tetapi apa yang kurang di sini ialah perancangan yang tidak rapi walaupun amaran dikeluarkan dari awal lagi.

Mungkin wajar krisis itu turut dikaitkan dengan aspek perancangan. Menyentuh soal perancangan, sudah tentu ia membabitkan secara langsung pihak yang membuat dasar.

Dalam konteks krisis air, difahamkan Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor sudah lama memberikan 'amaran awal' kepada kerajaan Selangor mengenai kemungkinan berlaku krisis air.

Amaran awal itu kemudiannya dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya untuk tindakan lanjut.

Sejauh mana tindakan sudah diambil dalam usaha membuat persiapan awal bagi mengelak tidak dapat dipastikan. Apa yang pasti, kini krisis air sudah berlaku dan hampir mencecah tahap kritikal.

JBA Selangor, Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan pengguna sendiri kini dalam situasi semakin mendesak sehingga bukan saja memaksa catuan bekalan air, malah sesetengah pihak mengambil inisiatif sendiri mencari sumber air alternatif, termasuk menggali perigi.

Satu lagi aspek yang menarik untuk diperhatikan dalam konteks krisis air ialah bidang kuasa pengurusan dan pembekalan air yang terletak di bawah kerajaan negeri masing-masing.

Perkara ini bukan saja satu isu serius, malah sensitif kepada sesetengah pihak kerana ia membabitkan aspek perundangan termasuk Perlembagaan Negara dan undang-undang di peringkat negeri.

Malah cadangan penubuhan Majlis Air Negara (MAN) yang pernah dikemukakan sejak beberapa tahun lalu, seolah-olah terbantut disebabkan halangan perundangan itu.

Bagaimanapun, apabila krisis air semakin meruncing, rupa-rupanya masih ada ruang untuk 'merungkaikan' halangan perundangan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pada Rabu lalu, dilaporkan berkata, kerajaan negeri yang pada asalnya mahu mengawal hak mereka kini memandang serius masalah bekalan air.

Dr Mahathir menegaskan, Kerajaan Pusat tidak berniat mengambil alih kuasa kerajaan negeri berhubung bekalan air tetapi sekadar mengadakan penyelarasan.

Seperti yang dilaporkan akhbar ini pada Khamis lalu, beberapa menteri besar turut menyatakan persetujuan untuk membincangkan perkara itu dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Besar, tidak lama lagi.

Sehari selepas itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kerajaan bercadang meminda beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan khususnya berkaitan kuasa kerajaan negeri berhubung air supaya operasi MAN nanti, berjalan lancar.

Persoalannya, jika lama sebelum ini cadangan penubuhan MAN kelihatan begitu sukar untuk dilaksanakan disebabkan halangan perundangan, mengapa baru sekarang kedengaran halangan itu boleh dirungkaikan selepas krisis air benar-benar meruncing?

Turut menarik perhatian ialah pelan induk bekalan air meliputi tempoh 25 tahun dalam pembangunan pengeluarannya, 15 tahun pembangunan kawasan

tadahan dan 15 tahun dalam sistem agihannya. Pelan yang teliti tidak ada gunanya jika ia sekadar di atas kertas.

Masalahnya adalah peruntukan diperlukan dan jumlah sebenar diluluskan. Daripada RM4.1 bilion diperlukan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), cuma RM1.9 bilion diluluskan Perbendaharaan.

(END)